

Operasi pejabat kerajaan seperti biasa


PUTRAJAYA: Bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan lancar, semua pejabat kerajaan diarahkan beroperasi sepenuhnya sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai hari ini hingga 26 Januari ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman berkata, kehadiran penjawat awam ke pejabat selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (PP 5/2020).

“Lain-lain pegawai adalah diarahkan untuk bekerja dari rumah. Bagi kawasan PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kehadiran 100 peratus bagi pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan perlu manakala hanya 30 peratus pegawai bagi perkhidmatan lain.

“Bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pula, kehadiran pegawai adalah secara optimum,” katanya.

Perkara itu dimaklumkan Mohd. Khairul menerusi Peke-



KAKITANGAN Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melayan pelanggan yang membuat urusan di kaunter pendaftaran di JPN, Putrajaya baru-baru ini. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

liling Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan bertarih semalam.

Pekeliling itu dikeluarkan sebagai rujukan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Pengurusan Pihak

Berkuasa Berkanun dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada masa sama, Mohd. Khairul berkata, setiap ketua jabatan hendaklah menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan bertugas di pejabat.

“Surat edaran ini terpakai bagi mana-mana negeri atau ka-

wasan tertentu mengikut jenis perintah yang diumumkan kerajaan dari semasa ke semasa.

“Arahan ini turut dipanjangkan kepada perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan dan ia penerimaannya tertakluk kepada pihak berkuasa masing-masing,” katanya.